

5226/1

Tasawwur

Islam

Kertas 1

SEPT.

2011

1 ¼ jam

Nama : .....

Tingkatan : .....



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN PELAJARAN KELANTAN  
DENGAN KERJASAMA  
PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH SEKOLAH-SEKOLAH  
MALAYSIA (PEKDIS)  
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2011  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

---

**TASAWWUR ISLAM  
KERTAS 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawapan kedua-dua bahagian ini hendaklah diserahkan bersama-sama.
4. Bulatkan jawapan anda untuk Bahagian A di dalam kertas jawapan yang disediakan dalam halaman 6.
5. Tuliskan jawapan anda untuk Bahagian B di ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
( 20 markah )

Jawab semua soalan

1. Fahaman yang mempercayai bahawa bendalah yang menyebabkan berlaku sesuatu di dunia ini ialah
  - A. Sekularisme.
  - B. Liberalisme.
  - C. Materialisme.
  - D. Sosialisme .
  
2. Antara berikut manakah **bukan** syarat kelayakan seseorang khalifah ?
  - A. Menguasai ilmu pidato yang baik .
  - B. Memiliki kebijaksanaan luar biasa .
  - C. Mempunyai rupa paras yang menarik .
  - D. Mempunyai semangat juang yang tinggi .
  
3. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai wahyu
  - i. Ajarannya sesuai untuk semua bangsa Arab .
  - ii. Ajarannya kekal hingga hari kiamat
  - iii. Ajarannya menceritakan perkara ghaib.
  - iv. Ajarannya menjamin kebahagiaan hidup.
  - A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
  
4. “ Menguasai sepenuhnya barangan dalam pasaran bertujuan untuk mendapat keuntungan secara mudah. ”

Pernyataan di atas menerangkan maksud

  - A. Riba.
  - B. Rasuah.
  - C. Monopoli.
  - D. Manipulasi.

5. Pilih susunan yang **betul** mengenai sumber penyelesaian masalah mengikut Islam .

- A. al-Quran - al-Hadis - al-Qias - al-Ijmak
- B. al-Quran - al-Hadis - al-Ijmak - al-Qias
- C. al-Hadis - al-Quran - al-Ijmak - al-Qias
- D. al-Hadis - al-Quran - al-Qias - al-Hadis

6. Antara berikut yang manakah konsep tauhid Uluhiyyah ?

- A. Allah SWT adalah Tuhan yang berhak disembah .
- B. Allah SWT merupakan Tuhan pencipta alam musyahadah.
- C. Allah SWT adalah Tuhan penguasa di langit dan di bumi .
- D. Allah SWT menentukan sesuatu mengikut kehendakNya.

7. Antara tujuan sistem muamalah Islam ialah

- A. melicinkan urusan manusia mencari harta.
- B. mengajar manusia supaya hidup bersatupadu.
- C. memberi peluang melakukan aktiviti ekonomi mereka .
- D. menggalakkan orang berharta membantu golongan kurang upaya .

8. Antara padanan berikut yang manakah **betul** bagi hukuman jenayah menurut Islam ?

	Kesalahan	Hukuman
A.	Minum arak	disebat 80 kali
B.	Qazaf	disebat 80 kali
C.	Merompak	disebat 100 kali
D.	Lari dari medan perang	disebat 100 kali

9. Pernyataan manakah yang **tidak** selari dengan konsep Murunah ?

- A. Memakai pakaian berfesyen yang menutup aurat.
- B. Melaksanakan solat secara jamak ketika musafir.
- C. Berbuka puasa kerana tidak mampu menahan kesakitan.
- D. Tidak makan makanan haram ketika darurat .

10. Antara berikut manakah rasul Ulul Azmi ?

- A. Nuh a.s. - Musa a.s. - Sulaiman a.s. - Muhammad s.a.w.
- B. Musa a.s. - Nuh a.s. - Ibrahim a.s. - Muhammad s.a.w.
- C. Nuh a.s. - Isa a.s. - Sulaiman a.s. - Muhammad s.a.w.
- D. Isa a.s. - Daud a.s. - Ismail a.s. - Muhammad s.a.w.

11. Ciri-ciri keunggulan Islam sebagai ad-Din ialah

- i. Agama yang diterima di sisi Allah SWT.
- ii. Agama yang hanya menekankan kerohanian.
- iii. Agama yang bersifat menyeluruh dalam semua aspek .
- iv. Agama yang sesuai dianuti oleh seluruh umat manusia.

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

12. Berikut adalah **benar** berkaitan dengan pengabaian muamalah Islam kepada individu **kecuali**

- A. Berlaku kemelesetan ekonomi.
- B. Melahirkan sikap mementingkan diri sendiri.
- C. Kehidupan golongan miskin tidak terbela.
- D. Melahirkan sikap tamak dan haloba.

13. Antara kelebihan makan gaji ialah

- i. bebas membuat keputusan sendiri .
- ii. produktiviti dihasilkan secara bersama.
- iii. memperolehi pendapatan yang tetap.
- iv. risiko kerugian ditanggung bersama .

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

14. Manakah antara berikut **bukan** amalan budaya asing ?

- A. Mengamalkan budaya tempatan yang bersifat positif.
- B. Menyebarkan bentuk pemikiran secara sekular .
- C. Menyalurkan bentuk hiburan yang keterlaluan.
- D. Merayakan hari Valentine's Day .

15. Antara berikut adalah jenis-jenis muamalah Islam **kecuali**

- A. Murabahah.
- B. Munakahat.
- C. Mudharabah.
- D. Musyarakah.

16. Antara cara pemeliharaan alam sekitar ialah

- i. membersihkan sungai yang tercemar.
- ii. merancang kawasan pembangunan dan perindustrian.
- iii. menjaga kehijauan dan keindahan persekitaran sungai.
- iv. menanam semula pokok-pokok yang ditebang .

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

17. Maksud taubat ialah

- A. berazam untuk tidak mengulangi lagi dosa yang dilakukan.
- B. menyesal dengan perbuatan dosa yang telah dilakukan.
- C. menyesal dan berazam tidak mengulangi dosa yang dilakukan.
- D. benci kepada amalan maksiat yang telah dilakukan.

18. "Menceritakan amalan kebaikan yang dilakukan supaya mendapat pujian dan sanjungan daripada orang ramai".

Pernyataan di atas menjelaskan maksud

- A. Ujub.
- B. Riak.
- C. Takabur.
- D. Sum'ah .

19. Manakah antara berikut merupakan matlamat perundangan Islam ?

- i. memelihara adat istiadat .
- ii. memelihara keselamatan harta .
- iii. memelihara keselamatan nyawa .
- iv. memelihara kesucian agama .

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

20. Antara golongan yang layak menguruskan harta sendiri ialah

- A. Kanak-kanak.
- B. Orang safih.
- C. Anak yatim.
- D. Orang fakir.

**JAWAPAN  
BAHAGIAN A**

- |     |   |   |   |   |     |   |   |   |   |
|-----|---|---|---|---|-----|---|---|---|---|
| 1.  | A | B | C | D | 11. | A | B | C | D |
| 2.  | A | B | C | D | 12. | A | B | C | D |
| 3.  | A | B | C | D | 13. | A | B | C | D |
| 4.  | A | B | C | D | 14. | A | B | C | D |
| 5.  | A | B | C | D | 15. | A | B | C | D |
| 6.  | A | B | C | D | 16. | A | B | C | D |
| 7.  | A | B | C | D | 17. | A | B | C | D |
| 8.  | A | B | C | D | 18. | A | B | C | D |
| 9.  | A | B | C | D | 19. | A | B | C | D |
| 10. | A | B | C | D | 20. | A | B | C | D |

**BAHAGIAN B  
( 20 Markah )****Soalan 21 hingga soalan 24**

*Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.*

21. Islam sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

22. Rasul yang memiliki kesabaran yang tinggi dalam menghadapi tentangan ketika menjalankan dakwah.

23. Fahaman yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan keagamaan.

24. Memberi sesuatu yang berharga kepada seseorang untuk mendapat atau melepaskan sesuatu dengan cara salah.

**Soalan 25 hingga soalan 28**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

25. Hukuman sebat kepada penzina yang belum berkahwin adalah contoh jenis hukum \_\_\_\_\_ dalam Islam.

26. Rasulullah s.a.w. telah mengubal \_\_\_\_\_ Madinah untuk menyatupadukan penduduk dan mendaulatkan negara Islam.

27. Para \_\_\_\_\_ memutuskan sesuatu hukum fikah yang berasaskan bimbingan al-Quran dan al-Hadis serta menurut pendapatnya sendiri.

28. Fasakh ialah pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan \_\_\_\_\_ disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad nikah.

**Soalan 29 hingga soalan 32**

*Tandakan ( B ) pada pernyataan yang betul.*

*Tandakan ( S ) pada pernyataan yang salah.*

29. Sungai, laut dan udara tidak boleh dijadikan hak milik peribadi.

30. Umat Islam wajib beriman dengan 99 nama dan 40 sifat Allah SWT tanpa keraguan.

31. Majlis Fatwa telahewartakan hukum haram pengklonan manusia.

32. Sistem sosial Islam hanya menghubungkan manusia dengan Allah SWT dan manusia sesama manusia sahaja.

**Soalan 33 hingga soalan 35**

*Tentukan pernyataan dibawah dengan menandakan ( X ), ( Y ) dan ( Z ) dalam ruangan yang disediakan.*

X	Rabbaniyyah
---	-------------

Y	Waqi'iyah
---	-----------

Z	Syumuliyyah
---	-------------

Soalan	Keterangan	Jawapan
33	Agama Islam lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat.	.....
34	Segala hukum, konsep, prinsip dan nilai yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT dan Hadis .	.....
35	Islam agama praktikal iaitu mampu dilaksanakan oleh semua golongan manusia.	.....



**Soalan 36** hingga **soalan 38** berdasarkan jadual di bawah.  
Tuliskan hukum berikut dengan pengertian di bawah:


Haram	Sunat	Wajib
Hukum	Pengertian	
<b>Makruh</b>	Perkara yang digalakkan untuk ditinggalkan jika dilakukan tidak berdosa dan jika ditinggalkan dapat pahala.	
<b>P</b>	Perkara yang digalakkan untuk dilakukan jika dilakukan diberi pahala dan jika ditinggalkan tidak berdosa.	
<b>Q</b>	Perintah Allah SWT yang mesti dilakukan jika dilaksanakan dapat pahala dan jika ditinggalkan dibalas dosa.	
<b>R</b>	Larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan jika ditinggalkan diberi pahala dan jika dilakukan berdosa.	

36. P ialah \_\_\_\_\_

37. Q ialah \_\_\_\_\_

38. R ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 39** hingga **soalan 40** berdasarkan carta di bawah.



39. S ialah \_\_\_\_\_

40. T ialah \_\_\_\_\_

**KERTAS SOALAN TAMAT**